

China rakan ekonomi berpotensi Malaysia: PM

KUALA LUMPUR: Malaysia memandang China sebagai rakan ekonomi yang berpotensi dan bukan sebagai negara yang boleh mengancam kedudukannya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kita melihat China sebagai peluang ekonomi yang boleh mendapatkan manfaat ekonomi kerana China ialah pasaran besar," katanya pada temu bual dengan Phoenix Satellite Television pada 29 Mei lalu. Rancangan temu bual itu disiarkan semalam menerusi stesen satelit Astro.

Beliau berkata, China yang ekono-

minya berkembang pesat akan menguntungkan ahli perniagaan kedua-dua negara dan Malaysia sudah mengenali pasti beberapa sektor utama yang akan usahakan secara aktif.

"Kita mengenal pasti bidang baru kerjasama dalam bioteknologi, pelancongan, pendidikan, penjagaan kesihatan dan teknologi tinggi. Kami akan mengutamakan pertanian yang menawarkan sumber baru pendapatan dan kemakmuran bagi penduduk luar bandar," katanya,

Perdana Menteri mengetuai satu rombongan besar dari Malaysia, keba-

nyakannya ahli perniagaan melawat China pada 27 hingga 31 Mei lalu.

Pada temu bual setengah jam itu, Abdullah juga ditanya rahsia pertumbuhan sihat ekonomi Malaysia sejak beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada Oktober lalu.

Beliau berkata, kerajaan menumpukan dua aspek utama iaitu membanteras rasuah dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam yang menambah keyakinan sektor swasta.

"Kami memastikan kecekapan dalam perkhidmatan awam, membanteras rasuah, pentadbiran baik dan pe-

ngurusan ekonomi secara berhemah. Ada satu tahap keyakinan terhadap kerajaan dan mereka (sektor swasta) percaya mereka mendapat layanan yang adil.

"Selain usaha kerajaan, 'faktor baik' juga memihak kepada kerajaan. Tiada SARS (Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk) dan kami berjaya mencegah selesema burung di Malaysia. Faktor baik memihak kepada kita," katanya.

Ditanya cadangan Amerika Syarikat untuk melindungi Selat Melaka daripada ancaman keganasan, Abdullah berkata, Malaysia dan jirannya

mampu melindungi laluan perkapalan antarabangsa itu.

Mengenai isu keganasan di selatan Thailand, Abdullah berkata, Malaysia dan Thailand boleh menyelesaikan masalah itu tanpa campur tangan asing.

"Kami dan Thailand boleh bekerjasama dan memahami situasi di Selatan Thailand," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan jika isu puak pemisah itu tidak ditangani dengan bijak, pelarian mungkin membanjiri Malaysia dan menyebabkan masalah kepada negara ini. - Bernama